



**MAJLIS DAERAH SRI AMAN**  
**JAWATANKUASA BAZZAR RIA PESTA BENAK**

**PESTA BENAK**  
**BORANG PERMOHONAN BAZAAR RIA TAHUN 2025**  
**[ No.Siri :...../2025 (Untuk Kegunaan Pejabat) ]**

<b>JENIS JUALAN</b>				
<b>Bil.</b>	<b>Buitran</b>	<b>Harga Petak</b>	<b>Halal / Tidak Halal</b>	<b>Kuantiti : 1 / 2</b>
1.	Jualan Gerai Makanan & Minuman [Tapau] [10'X10']	RM300.00		
2.	Jualan Gerai Beraneka [10'X10']	RM300.00		
3.	Jualan Gerai Makanan & Minuman Bermeja/Berkanopi [10'X20']	RM400.00		
4.	Foodtruck [Per-unit]	RM450.00		
5.	Roadshow Car & Motor [Per-lot]	RM450.00		
6.	Funfair [Pin-Table] [20'X20']	RM1,200.00		
7.	Sri Aman Kitchen	RM500.00		

**MAKLUMAT PEMOHON**

1. Nama Penuh: .....
2. Kad Pengenalan: .....  
[ Wajib kepilkan salinan Kad Pengenalan & Bawa NRIC ASAL untuk pengesahan. Tiada wakil (proksi) dibenarkan.]
3. Nama Syarikat (Jika Berkenaan): .....
4. No. Pendaftaran SSM (Jika Berkenaan): .....  
[ Wajib kepilkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM) jika memohon atas nama syarikat ]

5. Alamat Sekarang: .....
- .....
- .....
6. No. Telefon Bimbit : .....
7. Jantina: Lelaki [ ] / Perempuan [ ]

**AKU JANJI PEMOHON**

Saya, .....,

No Kad Pengenalan,.....  
 telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat – syarat permohonan dan juga peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur, termasuk menjaga kebersihan kawasan tapak perniagaan semasa dan selepas tamat tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Bazaar Ria Majlis Daerah Sri Aman. **Saya faham dan bersetuju bahawa sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana terma, syarat, atau peraturan yang ditetapkan, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau penalti yang berkuatkuasa.**

Tarikh: ..... Tandatangan Pemohon.....

<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA</b>			
NO PETAK YANG DIPILIH:			
1.		2.	
BAYARAN (RM):		DITERIMA OLEH (NAMA & JAWATAN):	
NO. RESIT:		TARIKH & MASA TERIMA:	



# MAJLIS DAERAH SRI AMAN JAWATANKUASA BAZAAR RIA PESTA BENAK

## TERMA-TERMA, SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN-PERATURAN

### A. TERMA-TERMA (TERMS)

- TEMPOH BERNIAGA:** Selama **TIGA (3)** hari iaitu mulai **19 SEPTEMBER 2025** sehingga **21 SEPTEMBER 2025**. Dengan ini, tuan / puan **DIBENARKAN HANYA** untuk memasang khemah pada **18 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)** jam **3.00 petang**.
- CAJ BAYARAN LOT / TAPAK NIAGA:** Adalah seperti berikut:
  - Jualan Gerai Makanan & Minuman [ Tapau ] [10'x10'] – **RM300.00/lot**
  - Jualan Gerai Beraneka [10'x10'] – **RM300.00/lot**
  - Jualan Gerai Makanan & Minuman Bermeja/Berkanopi [20'X10'] – **RM400.00/lot**
  - Foodtruck – **RM450.00/unit**
  - Roadshow Car & Motor – **RM450.00/unit**
  - Funfair [ Pin-Table ] [20'x20'] – **RM1,200.00**
  - Sri Aman Kitchen – **RM500.00**
- KAEDAH PEMBAYARAN:** Pembayaran **HANYA** dibuat secara **TUNAI** pada Hari Memilih Petak.
- TARIKH TUTUP PERMOHONAN:** Peruntukan lot akan berakhir pada **12 SEPTEMBER 2025 (JUMAAT)** jam **5.00 petang** atau sehingga semua lot habis diperuntukkan.
- KEMUDAHAN ASAS:** Khemah / kanopi, bekalan elektrik dan air **TIDAK DISEDIAKAN** oleh pihak penganjur, manakala, pihak Peniaga **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan **ALAT PEMADAM API**. Peniaga hendaklah menyediakan **PLASTIK SAMPAH** di tapak niaga masing – masing bagi kemudahan orang awam membuang sampah serta peniaga sendiri. Plastik sampah tersebut akan dikutip oleh pekerja kebersihan pihak penganjur. Sri Aman Kitchen ada disediakan kemudahan seperti kanopi, kerusi dan meja. Hanya jualan makanan / minuman Halal dibenarkan sahaja.
- TANGGUNGJAWAB UMUM PENIAGA:** Peniaga bertanggungjawab sepenuhnya atas keselamatan diri dan harta benda di tapak niaga. Pihak Majlis tidak akan menanggung sebarang bentuk risiko kerugian perniagaan atau kerosakan/kehilangan harta benda peniaga atau kecederaan/kematian di kalangan para peniaga yang menyertai Bazaar Ria Pesta Benak 2025 ini.

### B. SYARAT-SYARAT (CONDITIONS)

- PERUNTUKAN LOT:** Pemohon hanya dibenarkan menggunakan lot / tapak niaga yang telah dibayar sahaja.
- PROSES PERMOHONAN & PENYEWAAN TAPAK (HARI MEMILIH PETAK):** Pemohon wajib mematuhi sepenuhnya proses permohonan dan penyewaan tapak yang akan dijalankan pada Hari Memilih Petak, termasuk prosedur pengesahan dokumen dan pemilihan lot.

3. **DASAR PEMBAYARAN BALIK:** Wang Pembayaran Caj Lot / Tapak yang telah dibayar **TIDAK DIKEMBALIKAN** atau **DITUKAR** sekiranya pemohon membatalkan penyewaan tapak.
4. **PENGEMASAN PERALATAN:** Peralatan / Perkakas berniaga seperti meja / stall dan lain – lain hendaklah dikemas dan dibawa balik pada atau sebelum **22 SEPTEMBER 2025 (PADA JAM 11 PAGI)**. Kegagalan pihak tuan / puan berbuat demikian, membolehkan pihak Majlis mengambil tindakan undang – undang.

### C. PERATURAN-PERATURAN (RULES)

1. **HAD MAKSIMUM LOT & PROKSI:** Seorang peniaga dibenarkan untuk memohon **MAKSIMUM DUA (2) LOT SAHAJA** menggunakan Kad Pengenalan (NRIC) asal. **Tiada wakil (proksi) dibenarkan.** Sebarang percubaan untuk memohon lebih dari had atau menggunakan proksi akan mengakibatkan pembatalan serta-merta semua permohonan tanpa bayaran balik.
2. **PENYEWAAN SEMULA, PERKONGSIAN, ATAU PENJUALAN SEMULA LOT:** Tapak yang diperuntukkan adalah **untuk kegunaan tunggal pemohon sahaja** dan untuk kategori khusus yang dipohon. **PENYEWAAN SEMULA, PERKONGSIAN, ATAU PENJUALAN SEMULA LOT YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA MANA-MANA PIHAK KETIGA ADALAH DILARANG SAMA SEKALI.** Mana-mana peniaga yang didapati melanggar peraturan ini akan ditamatkan kontrak serta-merta, gerai mereka akan diusir tanpa bayaran balik, dan mereka akan **DISENARAIHITAMKAN SECARA KEKAL** daripada menyertai semua acara Pesta Benak akan datang dan berpotensi acara majlis lain.
3. **PENGGUNAAN ELEKTRIK TIDAK BERDAFTAR:** Sebarang cubaan untuk menyambung atau mencuri elektrik dari sumber kuasa yang tidak berdaftar adalah dilarang sama sekali. Mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan denda sehingga **RM200,000.00** atau tindakan undang-undang lain yang berkuatkuasa, seperti yang termaktub di bawah **Ordinan Elektrik (Bab 50), Seksyen 33(5)**.
4. **PEMATUHAN UNDANG-UNDANG & ARAHAN:** Peniaga mesti mematuhi semua undang-undang kecil tempatan, peraturan kerajaan, dan arahan daripada Jawatankuasa Pengelola atau mana-mana agensi penguatkuasaan.
5. **KEBERSIHAN & KESELAMATAN MAKANAN:** Semua peniaga makanan mesti mematuhi sepenuhnya semua peraturan keselamatan makanan dan kebersihan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan. Peniaga bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan di dalam dan di sekitar ruang yang diperuntukkan. Sisa buangan mesti dibuang ke dalam tong sampah yang ditetapkan. Pihak Peniaga diwajibkan menyediakan **PLASTIK SAMPAH** di tapak niaga masing-masing bagi kemudahan orang awam membuang sampah serta peniaga sendiri. **Penggunaan styrofoam** bagi pembungkusan makanan/minuman adalah dilarang sama sekali.
6. **WAKTU OPERASI:** Peniaga mesti beroperasi semasa waktu operasi rasmi Pesta Benak, yang akan diumumkan sebelum acara.
7. **KESELAMATAN HARTA BENDA:** Peniaga bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan barang, peralatan, dan wang tunai mereka di dalam gerai mereka. Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan.

**PERTANYAAN:** Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Urusetia Bazaar Ria [Encik Sheldon Edgar, Encik Jackson Ak Jacob, Puan Sharifah Noraini Binti Wan Mahlar] di talian **083-322072 / 322066**.